

13 SEP 2003

Bajet-Reaksi

BAJET PERPISAHAN YANG MENJADI KENANGAN DARIPADA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 13 Sept (Bernama) -- Pembentangan Bajet 2004 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merupakan bajet perpisahan yang akan menjadi kenangan daripada Perdana Menteri, kata Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah, Datuk Dr Maximus Ongkili hari ini.

Bajet itu amat baik memandangkan ia memberikan penekanan terhadap pelaburan domestik bagi meningkatkan pertumbuhan serta mengukuhkan daya ketahanan ekonomi negara, katanya kepada Bernama sebagai mengulas pembentangan bajet berkenaan.

Presiden Parti Progresif Sabah Datuk Yong Teck Lee pula berkata peruntukan RM5.9 bilion kepada Sabah dalam bajet itu amat menggalakkan dan akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

"Peruntukan yang besar kepada Sabah sudah tentu akan meningkatkan pembangunan dalam pelbagai sektor di negeri ini, sekaligus mengurangkan kemiskinan. Ia juga membuktikan bahawa Sabah turut memperolehi manfaat dalam pembangunan utama negara," katanya.

Yong turut memuji Dr Mahathir kerana membentangkan bajet yang positif dan penyayang, bagaimanapun beliau berkata agar pihak berkuasa yang berkenaan di Sabah harus bersedia bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan terhadap semua program pembangunan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah Tawfiq Abu Bakar Titingan pula menyifatkan Bajet 2004 itu sebagai "mesra rakyat dan juga mesra kepada generasi muda."

Katanya Pemuda Umno Sabah amat mengalu-alukan pendekatan bajet itu yang memberi tumpuan kepada golongan muda dan para pelajar di menara gading serta mereka yang berpendapatan rendah melalui pemansuhan cukai jalan bagi motosikal 150 cc dan ke bawah.

Tawfiq berkata: "Ini melibatkan beliau-beliau (golongan tua di dalam loghat Sabah), orang muda, pelajar-pelajar yang tidak mampu beli kereta yang hanya ada motosikal untuk pergi kerja dan IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam)".

Di KUCHING, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada 20,000 kakitangan awam di negeri itu akan dibincangkan oleh kabinet negeri tidak lama lagi.

"Tidak sukar untuk membuat keputusan mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Berbasikal Sarawak 2003 di Tebingan Kuching di sini.

Sebelum ini, kakitangan awam di peringkat negeri menerima bonus setengah bulan selaras dengan pengumuman kerajaan pusat mengenai pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan pusat semasa pembentangan pakej rangsangan ekonomi pada Mei lepas.

Di IPOH, Menteri Besar Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan Perak menyambut baik pengecualian premium tanah bagi pembinaan rumah kos rendah terutama bagi golongan berpendapatan rendah seperti petani, nelayan dan buruh.

Beliau berkata kerajaan negeri sanggup menyediakan tanah bagi mendirikan rumah kos rendah di bawah RM35,000 yang mampu dimiliki golongan berpendapatan rendah.

Golongan ini sukar untuk mendapatkan pinjaman daripada bank yang terpaksa menanggung kadar pinjaman yang tinggi berbanding dengan kakitangan kerajaan, katanya kepada pemberita di sini.

Kerajaan negeri akan menyediakan tanah yang akan diserahkan kepada

kerajaan pusat melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad untuk dibangunkan.

-- BERNAMA

RDY DC PBA ROS